



SIARAN MEDIA

PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) KUAH DAN ULU MELAKA : TINGKATKAN AGENDA PERUMAHAN BERDAYA HUNI KEPADA PENDUDUK LANGKAWI

LANGKAWI, 6 Mac 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (YB KM) telah menyerahkan surat tawaran menduduki PPR Anggerik Lestari (PPR Kuah) dan PPR Indera Mahsuri (PPR Ulu Melaka) kepada seramai 867 pemohon PPR yang berjaya pada hari ini. Inisiatif ini merupakan salah satu usaha Kerajaan Persekutuan untuk membantu penduduk khususnya golongan isi rumah yang berpendapatan 40 peratus terendah atau B40 memiliki rumah sendiri.

Projek PPR Kuah melibatkan pembinaan sebanyak 500 unit rumah bernilai keseluruhan RM138,365,000 manakala untuk PPR Ulu Melaka pula melibatkan pembinaan sebanyak 500 unit rumah bernilai keseluruhan RM125,500,000 dengan dilengkapi lima unit rumah Orang Kurang Upaya (OKU) untuk setiap projek, surau, balai komuniti, kedai runcit, gerai makan, tadika dan taska untuk kemudahan semua penduduk di sini. Ini merupakan antara 10 projek PPR yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Negeri Kedah.

Seramai 445 pemohon telah ditawarkan untuk menghuni PPR Kuah dan 422 pemohon bagi PPR Ulu Melaka. Semua pemohon yang berjaya telah ditawarkan pemilikan rumah secara Skim Sewa-untuk-Milik atau *Rent-to-Own* (RTO). Baki unit akan dibuat pengisian secara berperingkat dalam tempoh tiga bulan yang akan datang.

Menurut YB KM “Skim RTO PPR menawarkan sewaan PPR untuk tempoh sela masa selama 5 tahun sehingga 20 tahun. Tawaran untuk memiliki akan diberikan setiap 5 tahun dengan membuat baki bayaran penuh dengan syarat penyewa konsisten dalam membuat pembayaran sewaan dan bayaran penyelenggaraan”.

Kadar bayaran sewa adalah sebanyak RM225 sebulan dan tambahan RM140 lagi untuk kos penyelenggaraan (*maintenance fee*). Jumlah bayaran adalah sebanyak RM365 sebulan. Kerajaan telah bersetuju meletakkan pengurusan PPR ini di bawah tanggungjawab PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB) iaitu anak syarikat Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), salah satu agensi perumahan di bawah KPKT.

Menurut YB KM lagi, dengan bayaran sewa sebanyak RM225 sebulan untuk tempoh 20 tahun (maksimum) dan ini menjadikan harga rumah yang dibayar oleh setiap pemilik hanyalah sebanyak RM54,000 sahaja berbanding dengan kos pembinaan rumah ini yang dianggarkan bernilai RM250,000. Rakyat seharusnya rasa bertuah dan bersyukur kerana Kerajaan telah memberikan subsidi hampir 78% untuk sebuah rumah yang selesa, selamat dan berdaya huni. Ini menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam membantu golongan B40 untuk memiliki rumah dengan menawarkan setiap unit rumah pada kadar sewaan yang amat rendah.

Majlis ini turut dihadiri oleh YB Dr. Robert Ling Kui Ee, EXCO Perumahan Negeri Kedah; YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Datuk Azhar bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan & Kesejahteraan Komuniti); YBhg. Dato' N. Jayaselan, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara; dan YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA serta pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertiwi

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha*

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

